

Bahagian C
[20 markah]

Jawab dua soalan.

1. (a) Bagaimanakah iklim Khatulistiwa mempengaruhi kegiatan berikut?

(i) Pertanian

[3 markah]

Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa. Panas dan lembap [redacted] tahun. Pelbagai jenis tumbuhan yang sesuai. Contohnya sawah padi, getah dan [redacted]. Kawasan [redacted] pula mengalami suhu 18 darjah C hingga 21 darjah C. tanaman yang sesuai ialah [redacted], sayur-sayuran dan bunga-bunga.

kelapa sawit

tanah tinggi

teh

sepanjang

(ii) Perikanan

[3 markah]

Aktiviti perikanan berlaku sepanjang tahun di [redacted] Semenanjung Malaysia. Kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia [redacted] dari tiupan angin kencang ketika angin monsun barat daya. Ia terlindung oleh Banjaran Titiwangsa dan Sumatera.

Di kawasan pantai timur, aktiviti perikanan akan berehat sementara pada bulan November hingga Januari. Ini kerana kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia mengalami angin monsun [redacted]. Aktiviti yang biasa dilakukan pada masa itu ialah membaiki [redacted] yang rosak.

pantai barat

terlindung

timur laut

pukat

(b) Kegiatan manusia menyebabkan kejadian pulau haba. Apakah punca kejadian tersebut?

[4 markah]

Antara punca kejadian pulau haba ialah pelepasan [redacted] kenderaan yang banyak, debu dan habuk dari kenderaan bermotor dan [redacted]. Selain itu, bangunan konkrit dan jalan berturap menyerap dan menyimpan [redacted] matahari. Serta kekurangan tumbuh-tumbuhan menyebabkan proses [redacted] kurang berlaku bagi menyederhanakan suhu.

bahang

perpeluhan

asap

perkilangan

2. (a) Apakah faktor yang mempengaruhi pembinaan sistem pengangkutan di Malaysia?

[5 markah]

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan sistem pengangkutan di Malaysia ialah bentuk [redacted], kawasan tanah [redacted] lebih sesuai dibina kemudahan perhubungan dan pengangkutan. Kawasan [redacted] sesuai dibina pelabuhan kerana keadaannya yang terlindung.

Kemajuan [redacted], terowong smart berfungsi sebagai laluan air ketika hujan lebat. Projek MRT menggunakan teknologi tinggi dengan laluan bawah tanah. Faktor seterusnya ialah kegiatan ekonomi, jaringan pengangkutan dibina berdekatan dengan sumber pertanian untuk memudahkan penghantaran dan pemasaran hasil pertanian. Sistem perhubungan dan pengangkutan di bandar amat penting bagi menggalakkan aktiviti [redacted]

teknologi

pamah

ekonomi

teluk

muka bumi

(b) Jelaskan kepentingan pengangkutan awam di Malaysia.

[5 markah]

Pengangkutan awam di Malaysia adalah penting kerana ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas serta mengurangkan [redacted] udara. Ia juga dapat memajukan industri [redacted]. Contohnya, perkhidmatan teksi, bas, rel [redacted] dan e-hailing. Ia juga dapat meningkatkan darjah [redacted]. Mewujudkan peluang pekerjaan, contohnya pekerjaan pemandu kenderaan awam.

bersepadu

pelancongan

pencemaran

ketersampaian

3. (a) Jelaskan ciri-ciri iklim tundra berikut.

(i) Suhu

[3 markah]

Min suhu tahunan ialah (-14) darjah C. Musim panas antara bulan Mei hingga Ogos dengan suhu musim panas yang [redacted] sejuk iaitu kurang dari 10 darjah C. Musim sejuk yang dialami adalah selama [redacted] bulan dengan suhu yang [redacted] sejuk iaitu antara (-32) darjah C hingga (-5) darjah C.

lapan

sangat

sederhana

(ii) Hujan

[3 markah]

[redacted] yang sedikit, iaitu antara 250mm hingga 300mm. Kerpasan turun pada musim panas dalam bentuk hujan [redacted]. Sentiasa dilitupi [redacted] ketika musim sejuk.

penolakan

salji

Kerpasan

(b) Bagaimanakah hidupan dapat menyesuaikan diri dengan iklim di kawasan tundra?

[4 markah]

Haiwan di kawasan tundra mempunyai [] yang tebal untuk tahan dengan cuaca yang sejuk. Manusia pula memakai [] tebal untuk tahan dengan cuaca sejuk. Mereka mengurangkan aktiviti di [] ketika musim sejuk. Mereka juga menyalakan api untuk memanaskan badan. Antara aktiviti penduduk adalah [] binatang dan menangkap ikan.

memburu

bulu

baju

luar

4. (a) Jelaskan konsep teknologi hijau.

[4 markah]

Teknologi hijau dapat meningkatkan tahap [] dan kualiti kehidupan. Ia juga melindungi [] semula jadi serta mengurangkan impak negatif daripada aktiviti manusia. Teknologi hijau dapat memenuhi [] semasa tanpa menjejaskan ekosistem bagi generasi akan datang serta menjadi [] untuk menggalakkan perkembangan ekonomi.

keperluan

ekosistem

kesihatan

alternatif

(b) Apakah amalan teknologi hijau yang boleh dilaksanakan?

[6 markah]

Teknologi hijau boleh dilaksanakan dengan mengamalkan penjimatan [] seperti menggunakan sumber cahaya semula jadi, tutup suis dan cabut plag peralatan elektrik apabila tidak digunakan.

Mengadakan zon [] asap rokok seperti di sekolah, hospital dan kedai makan. Seterusnya mengamalkan [] kenderaan serta berjalan kaki di kawasan yang dikhaskan (park and ride). Selain itu kita boleh mengamalkan mengurangkan [] iaitu dengan mengasingkan sisa pejal di rumah. Akhir sekali kita boleh menggunakan [] hijau seperti menggunakan produk mesra alam contohnya penggunaan kertas kitar semula dan kereta hibrid.

produk

sisa

berkongsi

bebas

tenaga